


Alkitab untuk Anak-anak memperkenalkan



Daniel dan Gua Singa



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes

Digambar oleh: Jonathan Hay

Disadur oleh: Mary-Anne S.

Diterjemahkan oleh: Julie TY


Dihasilkan oleh: Bible for Children
www.M1914.org

©2024 Bible for Children, Inc.
Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau
mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.

Darius adalah raja baru Babel. Dia bijak. Dia memilih seratus dua puluh orang terbaik dalam kerajaannya untuk membantunya memerintah. Kemudian dia memilih tiga daripada mereka untuk bertanggung-jawab. Daniel adalah salah seorang daripada tiga lelaki itu.




Raja Darius sangat menghormati Daniel, dia berfikir untuk menjadikannya pemerintah atas seluruh kerajaan.



3

Pemimpin lain cemburu. Mereka bercadang untuk mencari kesalahan Daniel supaya mereka boleh membuat Daniel menghadapi masalah dengan raja.



4

Tidak kira bagaimana mereka mencuba, para pemimpin ini tidak menemui apa-apa yang buruk tentang Daniel. Daniel setia kepada raja dalam semua yang dilakukannya. Selain itu, dia berhati-hati dan bijak, dan sentiasa melakukan semua yang terbaik yang dia boleh.



5

Para pemimpin yang cemburu tahu hanya ada satu cara mereka boleh memerangkap Daniel. Mereka tahu bahawa tiada apa pun di bumi akan menghalangnya daripada menyembah Tuhan Israel.



6

Musuh Daniel memikirkan satu rancangan. Mereka membuat undang-undang baru untuk ditandatangani raja. Undang-undang mengatakan bahawa setiap orang harus berdoa hanya kepada Raja Darius. Sesiapa yang tidak taat akan dicampakkan ke dalam sarang singa!





7

Raja Darius menyetujui undang-undang tersebut.



8

Undang-undang baru itu tidak memberi sebarang perbezaan kepada Daniel. Dia melakukan apa yang dia selalu buat. Dia berlutut di dekat tingkapnya yang terbuka tiga kali sehari, dan berdoa kepada Tuhan syurga.




9

Para pemimpin yang cemburu bergegas memberitahu raja.

Raja Darius tidak mempunyai pilihan selain menangkap Daniel. Undang-undang terpaksa dipatuhi. Daniel terpaksa mati.

Raja berusaha keras, tetapi dia tidak dapat mencari jalan untuk mengubah undang-undang.



10

Daniel dijatuhkan hukuman mati dengan dimasukkan ke dalam sarang singa. Sebelum Daniel dilemparkan kepada singa-singa yang kelaparan, Raja Darius berkata kepadanya, "Tuhanmu, yang engkau layani terus-menerus, Ia akan melepaskan engkau!"



11

Raja tidak tidur malam itu. Pagi-pagi lagi, dia bergegas kembali ke lubang singa.




12

Raja Darius berseru, "Daniel, hamba Allah yang hidup, adakah Tuhanmu yang engkau sembah selama-lamanya dapat melepaskan engkau dari singa?" Mungkin dia tidak mengharapkan jawapan. Tetapi Daniel menjawab!




13

Daniel berseru, "Ya raja, Tuhanku mengutus malaikat-Nya dan menutup mulut singa-singa itu, supaya mereka tidak menyakiti aku! Dan juga, ya raja, aku tidak melakukan kesalahan di hadapanmu."




14

Raja Darius sangat gembira! Dia mengarahkan Daniel untuk diangkat keluar dari lubang itu.




15

Raja tahu Tuhan telah menyelamatkan Daniel dan musuh Daniel adalah musuh Tuhan. Dia memberi perintah, dan semua orang yang menipunya untuk menandatangani undang-undang jahat itu dilemparkan ke dalam gua singa. Singa memakannya.



16

Raja Darius ingin dunia tahu bahawa Tuhan Syurga telah melindungi hamba-Nya yang setia, Daniel. Raja Darius bertitah setiap orang untuk menyembah Tuhan yang hidup. Dan raja mengembalikan Daniel kepada kehormatan dan kepemimpinan.



17

Daniel dan Gua Singa

satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,

terdapat dalam

Daniel 6

"Bila tersingkap, firman-firman-Mu memberi terang, memberi pengertian kepada orang-orang bodoh." Mazmur 119:130

18

Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihinya. Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita. Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga! Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya! Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.

Jika anda percaya ini adalah benar, katakan ini kepada Allah: Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi. Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari! Yohanes 3:16

20

TAMAT

